

Gambarajah : Penyelenggaraan Palma



Rajah 4a – penyelenggaraan palma batang tunggal di mana pelepah terakhir dipotong kurang dari 3 meter.



Rajah 4a – selepas pemangkasan

Gambarajah : Penyelenggaraan Palma



Rajah 4b – penyelenggaraan palma batang tunggal di mana pelepah terakhir dipotong kurang dari 6 meter.



Rajah 4b – selepas pemangkasan

Gambarajah : Penyelenggaraan Palma



Rajah 4c – penyelenggaraan palma batang tunggal di mana pelepah terakhir dipotong kurang dari 12 meter.



Rajah 4c – selepas pemangkasan

Gambarajah : Penyelenggaraan Palma




Rajah 4d – penyelenggaraan palma batang tunggal di mana pelepah terakhir dipotong melebihi dari 12 meter.



Rajah 4d – selepas pemangkasan

Gambarajah : Penyelenggaraan Palma



Rajah 5a – penyelenggaraan palma berumpun di mana saiz rumpun 0.5 meter diameter.



Rajah 5a- selepas penyelenggaraan

Gambarajah : Penyelenggaraan Palma



Rajah 5b - penyelenggaraan palma berumpun di mana saiz rumpun antara 0.5 – 1.0 meter diameter.



Rajah 5b – selepas penyelenggaraan

3.1.4.6

Pemangkasan Pokok Renek/Shrub

Tanaman renek/shrub dalam landskap ialah satu unsur yang dinamik, iaitu bentuk dan ukurannya berubah dan kadangkala warnanya bertukar. Untuk memastikan bentuk tanaman tidak berubah dan ukurannya tidak melebihi ukuran yang difikirkan sesuai dengan keseluruhan landskap, kerja pemangkasan perlulah dilakukan dari masa ke semasa.

Selain menentukan bentuk dan ukuran tanaman, pemangkasan dilakukan untuk membuang dahan-dahan mati, berpenyakit dan terkena serangan serangga. Pemangkasan dibuat untuk menggalakkan peredaran udara dengan bebas di sekeliling tanaman dan memastikan semua bahan tanaman mendapat cahaya matahari. Kadangkala pemangkasan dibuat untuk mendapatkan lebih banyak dahan yang boleh mengeluarkan bunga serta menghasilkan pertumbuhan tanaman yang sama besar dan tinggi, misalnya jenis pagaran.

Tujuan pemangkasan pokok renek/shrub adalah seperti berikut:

- i. Untuk membentuk tanaman kepada bentuk, ukuran atau pertumbuhan mengikut kemahuan pengguna, sama ada untuk merendharkannya daripada biasa untuk kelihatan cantik atau rendah.
- ii. Untuk menggalakkan pertumbuhan baru (daun/bunga/buah) daripada tanaman yang telah tua.
- iii. Untuk menggalakkan pengeluaran bunga dan buah. Jika tanaman didapati mempunyai tangkai daun/bunga/buah yang panjang dan dahan yang jarang, dahan ini eloklah dipotong untuk